

TARIKH	23 / 6 / 2015	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	5	RUANGAN	

## Penerbangan pertama haji berlepas 16 Ogos

» Bakal jemaah diminta sentiasa dapat maklumat daripada TH



Fazli  
Abdullah

fazliabddullah@bh.com.my

Madinah, Arab Saudi

Lembaga Tabung Haji (TH) akan mengeluarkan surat jadual penerbangan secara berperingkat kepada 22,320 bakal jemaah haji terpilih untuk menuaikan ibadah haji tahun ini, mulai akhir Ramadan ini.

Pengurus Besar Kanan (Haji), Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman, berkata mereka yang menerima surat berkenaan boleh membuat persediaan secukupnya sama ada dari segi mental, fizikal, ke Rohanian dan ilmu.

"Penerbangan pertama berlepas dari Malaysia ke Tanah Suci ialah pada 16 Ogos, manakala penerbangan terakhir pada 16 September.

"Kita dijangka menjalani Wukuf pada 22 September dan seterusnya penerbangan pertama balik ke Malaysia ialah pada 29 September dan penerbangan terakhir pada 28 Oktober depan," katanya kepada wartawan

dah haji tahun ini, mulai akhir Ramadan ini.

**Penerbangan pertama berlepas dari Malaysia ke Tanah Suci ialah pada 16 Ogos, manakala penerbangan terakhir pada 16 September"**

Syed Saleh Syed  
Abdul Rahman,  
Pengurus Besar  
Kanan (Haji)  
Tabung Haji

Malaysia, di sini, semalam.

**Dapat maklumat terkini**  
Beliau menasihatkan bakal jemaah haji agar sentiasa mendapatkan maklumat terkini dari TH.

Katanya, TH akan terus meningkatkan bakal haji melalui penghantaran khidmat pesanan ringkat (SMS) dan panggilan telefon.

Dari segi bakal haji, makluman diberikan kepada yang terpilih pada Disember 2014, diikuti kursus haji sebanyak 17 siri pada Januari hingga April lalu, kursus intensif, pemeriksaan kesihatan yang sedang dilakukan dan kursus perdana pada akhir bulan depan.

Seramai 600 petugas haji yang akan berkhidmat di Makkah dan Madinah sudah dibekalkan kursus sejak awal tahun hingga bulan lalu.

Ditanya kemungkinan kuota haji ditambah, Syed Saleh berkata, TH bersedia untuk menguruskannya tetapi sehingga kini belum menerima maklum balas daripada kerajaan Arab Saudi.